





## KERAJAAN MALAYSIA

### PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 2 TAHUN 2008

- Semua Ketua Setiausaha Kementerian
- Semua Ketua Jabatan Persekutuan
- Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
- Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
- Semua Pihak Berkuasa Tempatan

### PEROLEHAN BAGI BEKALAN DAN PENGIRIMAN SISTEM PERAWATAN NAJIS

#### 1. TUJUAN

1.1 Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (PKP) ini bertujuan memaklumkan semua agensi Kerajaan mengenai syarikat-syarikat yang telah dilantik sebagai Panel pembekal bagi perolehan bekalan dan pengiriman sistem perawatan najis di seluruh Malaysia.

#### 2. PELANTIKAN SYARIKAT PANEL

2.1 Bagi perolehan di atas, Kementerian Kewangan telah bersetuju melantik syarikat-syarikat berikut sebagai Panel pembekal:-

Bil	Nama Syarikat	Alamat
1.	<b>Goodwater Engineering Sdn Bhd</b>	No. 55-3, Jalan Sulaiman 3 Taman Putra Sulaiman 68000 Ampang Selangor Darul Ehsan  No. Tel: 03-42702528 No. Faks: 03-42702568 E-mail: gwe2000@streamyx.com



PKU

*Dahlan Padmanabhan*  
Dahlan Padmanabhan  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI  
SELANGOR.

<b>Bil</b>	<b>Nama Syarikat</b>	<b>Alamat</b>
2.	<b>Atostech Fibreglass Sdn. Bhd.</b>	<p>Lot PT 21554K, Jalan Gelam 1 Kawasan Perindustrian Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Terengganu</p> <p>No. Tel: 09-6666614 09-6666682 09-6663682 No. Faks: 09-6666627 E-mail: atos_watertank@hotmail.com atostech@streamyx.com</p>
3.	<b>Loyal Wastewater Engineering Sdn Bhd</b>	<p>18, Jalan Seri Ampang 2 Taman Sri Ampang 31350 Ipoh Perak Darul Ridzuan</p> <p>No. Tel: 05-3132828 No. Faks: 05-3132889 E-mail: loyalobs@tm.net.my</p>
4.	<b>Weidasar Sdn Bhd</b>	<p>Lot 8729, 126-B, Tingkat 1 Green Heights Commercial Centre Jalan Lapangan Terbang 93250 Kuching Sarawak</p> <p>No. Tel: 082-450910 No. Faks: 082-460910 Email: weidasarkc@weidasar.com.my</p>
5.	<b>Bayu Tiara Sewerage Sdn Bhd</b>	<p>No. 5&amp;7, Lorong Serunai Taman Jawi 14200 Sungai Bakap Pulau Pinang</p> <p>No. Tel: 04-5822429 No. Faks: 04-5821429 Email: byutiara@yahoo.com.my</p>

2.2 Perolehan secara sistem Panel ini berkuatkuasa dari 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2010.

2.3 Syarikat Panel adalah diwajibkan mengemukakan laporan seperti di **Lampiran A** ke Kementerian Kewangan untuk setiap suku tahun.

### 3. KAEDAH PEROLEHAN

3.1 Perolehan bekalan dan pengiriman sistem perawatan najis bagi semua agensi Kerajaan hendaklah dibuat melalui kaedah sebutharga di kalangan Panel pembekal yang disenaraikan di atas.

3.2 Keputusan sebutharga hendaklah dimuktamadkan di peringkat Jawatankuasa Sebutharga bagi perolehan bernilai sehingga RM200,000 manakala perolehan bernilai melebihi RM200,000 hendaklah diputuskan oleh Lembaga Perolehan Agensi.

3.3 Agensi Kerajaan juga dibenarkan membuat perolehan bekalan dan pengiriman sistem perawatan najis daripada mana-mana syarikat Bumiputera bertaraf Pembuat yang memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan di para 4 dengan syarat syarikat berkenaan hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Kewangan terlebih dahulu.

### 4. KRITERIA PELANTIKAN PANEL PEMBEKAL

4.1 Pelantikan Panel Pembekal adalah berasaskan kepada kriteria berikut:

- i. Bertaraf Pembuat Bumiputera dalam kod bidang berkaitan dengan Kementerian Kewangan;
- ii. Berkemampuan dari segi teknikal dan kewangan;
- iii. Sistem Perawatan Najis yang dikeluarkan hendaklah mendapat kelulusan penggunaan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP), Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi; dan
- iv. Mempunyai Lesen Pensijilan Barangan daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd atau Sijil Pengesahan Barangan daripada IKRAM QA Services Sdn Bhd yang masih sah tempoh lakunya.

### 4. HAL-HAL LAIN

4.1 Agensi hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi, jika ada, ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Perbendaharaan Malaysia mengenai prestasi syarikat Panel yang kurang memuaskan.

4.2 Jika ada sebarang kemusykilan mengenai Pekeliling Kontrak ini, agensi Kerajaan boleh menghubungi Bahagian Perolehan Kerajaan, Perbendaharaan Malaysia di talian telefon 03-8882 3187 atau 8882 3295.

**5. KUAT KUASA**

5.1 PKP ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2008. Dengan ini PKP Bil. 2 Tahun 2006 adalah terbatal dengan sendirinya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(MOHAMED BIN STAPA)**

Bahagian Perolehan Kerajaan,  
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan,  
Kementerian Kewangan Malaysia

**Bertarikh: 26 Februari 2008**

s.k.

Ketua Setiausaha Negara  
Ketua Audit Negara  
Akauntan Negara Malaysia,  
Semua Pegawai Kewangan Negeri

LAMPIRAN A

PENYATA PESANAN DAN BEKALAN BAGI BULAN \_\_\_\_\_ / \_\_\_\_\_  
 SISTEM PERAWATAN NAJIS

BIL	NAMA KEMENTERIAN / JABATAN / BADAN BERKANUN YANG MEMBUAT PESANAN	NO. PESANAN TARIKH PESANAN	KUANTITI PESANAN	NILAI	TARIKH BEKALAN	KUANTITI YANG DIBEKALKAN	KUANTITI YANG BELUM DIBEKALKAN
	JUMLAH						

ADALAH DISAHKAN BAHAWA PENYATA YANG DINYATAKAN DI ATAS ADALAH BENAR

Tandatangan Kontraktor :

Jawatan :

Tarikh dan Cop Syarikat :

Nota : Laporan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan setiap suku tahun walaupun syarikat tidak menerima pesanan.